


Komentar

Amalan hijau pastikan bandar raya kekal bersih

Amalan hijau masih kurang memuaskan dalam masyarakat. Isu pembuangan sampah, pembakaran secara terbuka, pelepasan asap secara haram, pembuangan sisa pepejal dan aktiviti lain rakus merosakkan alam sekitar tanpa kita sedari.



**Dr Muhammad
Saufi
Che Rusli**

Hakikatnya, masyarakat perlu sedar kepentingan amalan hijau dalam memastikan sesebuah bandar kekal bersih dan terjaga. Nampak mudah, tetapi untuk mempraktikkannya bukan senang.

Kecintaan terhadap alam semula jadi perlu dipupuk sejak kecil. Ibu bapa harus memainkan peranan menyemai kasih sayang anak terhadap alam sekitar.

Pada peringkat pelaksanaan, kerajaan sedar amalan hijau dapat memberi kesimbangan baik dalam membalki ekosistem rosak akibat kemusnahan tangan manusia.

Ini selaras Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) menginginkan pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat untuk memastikan bandar didiami kekal bersih. Contoh bandar terbersih dunia adalah seperti di Switzerland, Perancis, Denmark, Sweden dan United Kingdom.

Menerusi kajian dijalankan, pihak berkuasa tempatan (PBT) mempraktikkan budaya amalan hijau seperti penanaman pokok teduhan di sekitar per-

jalan kakki, taman permainan, pokok hijauan dalam bangunan dan tasik. Ia berperanan sebagai ejen penapis keadaan runtuh, mendapan, rekanan dan pelbagai lagi akibat buruk. Gunung dan bukit ibarat paku alam harus dipelihara, agar dapat memberi kestabilian sambut baik seluruh masyarakat setiap ejen utama memastikan persekitaran bandar raya kekal bersih. Di negara ini, terdapat bandar bersih con-

Dalam usaha membendung jenayah alam sekitar ini, Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) ditubuhkan. Parasukan ini bekerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa menangani isu pencemaran secara menyeluruh dan proaktif.

Masyarakat digesa menjadi 'mata dan telinga' agar perkara merosakkan alam dapat cepat ditangani. Pelbagai pendekatan dilaksanakan pihak berwajib dalam bentuk poster, iklan, hebahan media dan pelbagai medium lagi bertujuan memberi maklumat pentingnya amalan hijau ini.

Antara langkah amalan hijau perlu dipraktikkan ialah ambil peduli. Setiap individu perlu peka dan ambil peduli perkara yang boleh merosakkan alam hijau seperti penebangan hutan tidak terancang dan pembuangan sisa pepejal secara haram.

Ia haruslah dilaporkan terus kepada pihak berkuasa supaya dapat ditangani segera, sekali gus membantu PBT memantau aktiviti tidak bermoral ini dalam ripada berterusan.

Pembalakan haram sebagai contoh, jika tidak dibendung antara penyebab tanah runtuh, mendapan, rekanan dan pelbagai lagi akibat buruk. Gunung dan bukit ibarat paku alam harus dipelihara, agar dapat memberi kestabilian terhadap bentuk muka bumi.

Individu dalam masyarakat juga perlu mematuhi arahan PBT dalam membaloi meningkatkan amalan hijau di sesebuah bandar. Kompaun atau denda tinggi perlu dikenakan agar menjadi pengajaran. Undang-undang sedia ada perlu dipinda mengikut kesesuaian agar kekal relevan dan munasabah.

Selain itu, masyarakat juga perlu ber-kongsi idea dan cadangan. Dengan cara ini, sesiapa mempunyai idea bernahtipat membantu pelaksana agar manfaat amalan hijau dinikmati bersama.

Masyarakat perlu sedar, bukan mudah mengelakkam amalan hijau ini kerana jika tidak dipelihara, ia akan lepas. Kita tidak mahu melihat bumi suatu hari nanti menjadi padang jarak, padang tekukur.

Amalan hijau bukannya terletak pada penguat kuasa semata-mata, sebaliknya tanggungjawab sosial yang harus dipikul bersama semua golongan masyarakat sesebuah bandar.

Bandar tidak akan bersih jika tiada ejen, iaitu manusia yang membantu menangani pelbagai isu dan konflik untuk memastikan bandar terjaga. Usaha berterusan kerajaan juga amat ditagih agar bandar di negara ini diiktiraf sebagai bandar raya bersih dunia setaraf negara luar.

Penulis adalah
Pensyarah Kanan
Fakulti Keusahawanan
dan Perniagaan
Universiti Malaysia
Kelantan (UMK)

